

**Borang Usul Pengurus KKP 2023 Bagi Mesyuarat Jawatankuasa  
Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Kali ke-58 Bil. 3/2023  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Nama : Ts. Dr. Tan Wee Choon  
No. Staf : 0101272  
No. Telefon : 012-5515918  
Jabatan : Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal

Saya seperti nama di atas adalah Pengurus KKP di Jabatan masing-masing ingin mengemukakan usul untuk dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Kali ke-58 Bil. 3/2023 seperti berikut:


1. Keperluan penambahbaikan proses pemeriksaan pemadam api yang di bawah tanggungan Jabatan Pembangunan. Buat masa kini, pihak ketiga telah dilantik untuk mengumpul pemadam-pemadam api sebelum tarikh luputnya untuk menjalani semakan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Tempoh masa yang diambil sehingga pemadam-pemadam api dipulangkan adalah lebih kurang seminggu. Pihak ketiga yang dilantik hanya mengambil pemadam api tanpa adanya pengganti pemadam api. Disarankan untuk menambahbaiki proses pemeriksaan dengan menyediakan pengganti pemadam api sementara proses pemeriksaan. Hal ini adalah penting terutamanya di Kampus UniCITI yang tiada sistem alternatif untuk menghadapi kejadian kebakaran yang mungkin berlaku.
2. Keperluan untuk mewujudkan SOP baharu untuk kejadian kecemasan di luar waktu pejabat. Difahamkan bahawa walaupun pasukan tindak balas kecemasan (ERT) telah diwujudkan di beberapa zon di kampus-kampus UniMAP, akan tetapi ERT yang diwujudkan hanya beroperasi pada waktu pejabat dan lebih berfokus kepada kejadian kebakaran. Semasa luar waktu pejabat, aktiviti pengajaran dan pembelajaran tetap akan berjalan sehingga jam 7 petang dan mungkin disambungkan pada jam 8 malam hingga 10 malam. Hal yang sama turut berlaku semasa hujung minggu untuk aktiviti ko-kurikulum. Selain itu, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir turut mungkin berlangsung di luar waktu pejabat. Kejadian kecemasan seperti kes pengsan, kes kemalangan lalu lintas, kejadian digigit ular atau haiwan liar, strok atau masalah kesihatan yang memerlukan bantuan perubatan, kemalangan di kawasan bilik/dewan kuliah mahupun dewan peperiksaan yang memerlukan bantuan perubatan. Difahamkan bahawa semasa luar waktu pejabat, hanya Hospital Tunku Fauziah (HTF) yang boleh dihubungi. Disebabkan jarak antara HTF dan UniMAP yang jauh, masa yang diambil untuk menunggu ketibaan bantuan perubatan dari HTF dan hantar mangsa ke HTF mengambil masa yang amat lama. Maka adalah menjadi keperluan untuk wujudkan SOP baharu untuk tindakan kejadian kecemasan yang memerlukan bantuan perubatan ini.

3. Keperluan untuk mewujudkan piagam pelangan di COSHE serta suatu platform untuk mengemaskini segala usul yang dibawakan atau diusulkan oleh mana-mana PTj ke mesyuarat induk KKP UniMAP. Sebanyak 4 dan 7 usul telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan, Persekutaran, dan Kesihatan Pekerjaan (JKPKP), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) masing-masing pada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) kali ke-56 and ke-57 UniMAP. Akan tetapi, selepas semakan dengan minit mesyuarat, tiada sebarang usul dari JKPKP FKTM yang telah dibincangkan atau dilaporkan statusnya kepada JKPKP FKTM selepas Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK). Disarankan untuk dibuat penambahbaikan agar perkara JKPK dititikberatkan seperti yang digariskan dan dijanjikan dalam perkara 3.4 dalam dasar keselamatan UniMAP.
4. Keperluan untuk menambahbaik keselamatan bilik-bilik pensyarah dan fasiliti di kampus UniCITI. Semasa minggu ulangkaji dan minggu peperiksaan akhir semester 2 sidang akademik 2022/2023 untuk ijazah sarjana muda, terdapat beberapa kejadian pencerobohan bilik-bilik pensyarah di kampus UniCITI. Hal ini telah menyebabkan beberapa kerosakan dan kehilangan harta benda. Penambahan CCTV samada berwayar atau tanpa wayar adalah digalakkan, perkara ini turut disarankan oleh pihak polis semasa pelaporan dilakukan. Dilampirkan bersama usul ini adalah beberapa salinan laporan polis yang telah dilakukan selepas kejadian pencerobohan tersebut.
5. Pada awal tahun 2023, pihak COSHE telah mewajibkan semua staf dan pelajar untuk menduduki kursus-kursus kompetensi keselamatan. Perkara ini telah dibentangkan dan mendapat kelulusan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) yang lepas. Adalah dicadangkan bahawa beberapa pihak yang terlibat boleh berbincang dan menambahbaiki kaedah menawarkan kursus-kursus ini kepada para pelajar. JKPKP FKTM mencadangkan kepada COSHE untuk bekerjasama dengan P3P dan fakulti-fakulti yang terlibat untuk mendedahkan kursus-kursus kompetensi keselamatan yang wajib kepada para pelajar tahun 1 semasa minggu suaikenal. Dijangkakan bahawa selepas beberapa sidang akademik, semua pelajar UniMAP akan dilengkapi dengan ilmu kompetensi yang diwajibkan.
6. Difahamkan bahawa dasar keselamatan UniMAP merupakan sesuatu dokumen yang bertulis yang mengariskan halatuju dan peranan penggurusan tertinggi UniMAP terhadap komitmen UniMAP ke atas perkara yang berkaitan dengan KKP. Akan tetapi, didapati bahawa perkara 3.4 dalam dasar keselamatan UniMAP iaitu "*Mengintegrasikan pengurusan KKP ke dalam objektif strategik dan proses perancangan Universiti bagi memastikan kesinambungan KKP tidak dikompromi*" tidak diterjemahkan ke dalam pelan strategik UniMAP 2025. Perkara ini perlu diambil berat dan ditambahkan element KKP kepada pelan strategik UniMAP dengan serta merta. Disebabkan element KKP tidak disenaraikan dalam pelan strategik UniMAP 2025, staf-staf adalah didedahkan kepada risiko-risiko semasa pekerjaan. Contohnya seperti usul pertama yang dibincangkan tadi yang mendarangkan risiko keselamatan yang mungkin mengancam nyawa staf semasa kebakaran. Selain itu, keperluan untuk mengubal butiran dalam perjanjian sewa tapak perniagaan dalam kampus UniMAP seperti keperluan untuk menyediakan pemadam api dan melakukan pemeriksaan tahunan atas faktor dapur gas yang mempunyai hazard dan tahap risiko kebakaran. Semua contoh di atas tidak mendarangkan penambahan kos operasi kepada UniMAP, akan tetapi sekiranya

kejadian kemalangan berlaku disebabkan risiko keselamatan yang berkaitan, ia hanya akan mendatangkan kerugian kepada UniMAP di atas kekurangan menekankan element KKP dalam urusan pentadbiran dan operasi.

Akhir sekali, seperti yang diusulkan dalam usul ke-7 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) ke-57 bil.2/2023 yang berkaitan dengan status laporan-laporan NCR yang pernah diterima dan dibalas balik oleh FKT, tiada sebarang maklumbalas bertulis yang diterima oleh pihak FKT termasuk laporan NCR untuk lawatan pemantauan KKP tahun 2023 yang dijalankan pada 14 Jun 2023.

Sekian terima kasih,



( DR. TAN WEECHOON

Senior Lecturer

Mechanical Engineering Programme

Faculty of Mechanical Engineering Technology

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Email : tweechoon@unimap.edu.my

Melalui,



( PROF. IR. DR. MOHD SHUKRY ABDUL MAJID


Dean

Faculty of Mechanical Engineering & Technology

Universiti Malaysia Perlis

shukry@unimap.edu.my

Tarikh :



25/8/2023



## POLIS DIRAJA MALAYSIA

### REPOT POLIS

Balai : PADANG BESAR  
Daerah : PADANG BESAR  
Kontinjen : PERLIS  
No. Repot : PDG BESAR/002500/23  
Tarikh : 14/07/2023  
Waktu : 1201 PM  
Bahasa Diterima : B. Malaysia

#### Butir-butir Penerima Repot :

Nama : NOORIZAN B JALANI No. Badan : R169630 Pangkat : KPL

#### Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada) :

Nama : --- No. K/P (Baru) : --- No. Polis/Tentera : ---  
No. Pasport : --- Bahasa Asal : ---

Alamat : ---

#### Butir-butir Pengadu :

Nama : KUNASUNDARI A/P BALAKRISHNAN	No. K/P (Baru) : 860515025654	No. Polis/Tentera : ---	No. Pasport : ---
No. Sijil Beranak : ---	Jantina : Perempuan	Tarikh Lahir : 15/05/1986	
Umur : 37 Tahun 2 Bulan	Keturunan : India	Warganegara : Malaysia	
Pekerjaan : PENSYARAH			
Alamat Tinggal : 41 LORONG BLM 5/6 BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI KEDAH MALAYSIA			
Alamat IbuBapa : ---			
Alamat Pejabat : ---			
No. Tel (Rumah) : ---	No. Tel (Pejabat) : ---	No. Tel (Bimbit) : 016-4372154	
Emel : ---			

#### Pengadu Menyatakan :

PADA 13/07/2023 JAM LEBIH KURANG 1230HRS SEMASA SAYA DI PEJABAT BILIK NO 13 BLOK S2 TINGKAT 2 UNICITY ALAM UNIMAP TITI TINGGI 02100 PADANG BESAR PERLIS SEDARI PEJABAT SAYA TELAH DIMASUKI ORANG KERANA TERDAPAT KESAN UMPILAN DI PINTU MASUK KE BILIK TERSEBUT DARI LUAR .SAYA TELAH MASUK DAN BUAT PEMERIKSAAN DI DALAM PEJABAT BERKENaan DAPATI (01) UNIT HARD DISK JENAMA BUFFALO WARNA PERAK, (01) UNIT PENDRIVE KINGSTON WARNA MERAH, (1) UNIT HEADSET JENAMA HP MODEL HG500GS WARNA HITAM, (1) UNIT SPEAKER JENAMA VINFIER WARNA BIRU/HITAM DAN (1) UNIT TAB JENAMA WACOM WARNA HITAM MILIK SAYA DIDALAM PEJABAT TELAH TIADA DIPERCAYAI HILANG DI AMBIL ORANG. ANGGARAN KERUGIAN LEBIH KURANG RM 550.00. SAYA DATANG KEBALAI POLIS BUAT LAPORAN UNTUK RUJUKAN PIHAK UNIMAP DAN TINDAKAN PIHAK POLIS SERTA UNTUK KESELAMATAN SAYA DI KEMUDIAN HARI KERANA DI DALAM HARD DISK SERTA PENDRIVE TERSEBUT MENGANDUNG MAKLUMAT DIRI SAYA.

SEKIAN LAPORAN SAYA.

Salinan Tidak Boleh Digunakan Untuk Tuntutan Atau Perbicaraan di Mahkamah  
(Hanya Untuk Kegunaan Dalaman PDRM Sahaja)



## POLIS DIRAJA MALAYSIA

### REPOT POLIS

Balai : PADANG BESAR  
Daerah : PADANG BESAR  
Kontinjen : PERLIS  
No. Repot : PDG BESAR/003507/20  
Tarikh : 18/12/2020  
Waktu : 1115 AM  
Bahasa Diterima : B. Malaysia

#### Butir-butir Penerima Repot :

Nama : MOHD NOR AZRI BIN NO. Badan : R200629 Pangkat : KONST  
JOHARI

#### Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada) :

Nama : --- No. K/P (Baru) : --- No. Polis/Tentera : ---  
No. Pasport : --- Bahasa Asal : ---  
Alamat : ---

#### Butir-butir Pengadu :

Nama : ROZAINI BINTI ABDULLAH  
No. K/P (Baru) : 830424145434 No. Polis/Tentera : --- No. Pasport : ---  
No. Sijil Beranak : --- Jantina : Perempuan Tarikh Lahir : 24/04/1983  
Umur : 37 Tahun 7 Bulan Keturunan : Melayu Warganegara : Malaysia  
Pekerjaan : PENSYARAH  
Alamat Tinggal : NO 24 JLN 1 TAMAN TEMAK JAYA 01000 KANGAR PERLIS  
Alamat IbuBapa : ---  
Alamat Pejabat : ---  
No. Tel (Rumah) : --- No. Tel (Pejabat) : --- No. Tel (Bimbit) : 012-5736325  
Emel : ---

#### Pengadu Menyatakan :

PADA 18/12/2020 JAM LEBIH KURANG 9:15 PAGI SEMASA BERADA DI PEJABAT SAYA BANGUNAN UNICITI S2 ARAS 2, UNICITI ALAM SUNGAI CHUCUH PADANG BESAR PERLIS. SAYA SEDARI BILIK SAYA TELAH DI CEROBOH OLEH SESEORANG. KEMUDIAN SAYA TELAH PERIKSA DI DALAM PEJABAT DAPATI BEBERAPA BARANG MILIK JABATAN DAN MILIK SAYA TELAH TIADA. PUAS SAYA MENCARI TETAPI TIDAK JUMPA. SAYA SYAKI BARANG-BARANG TERSEBUT TELAH DI CURI OLEH INDIVIDU YANG MENCEROBOH MASUK KE DALAM PEJABAT SAYA. SEMASA SAYA PERIKSA TELAH TERJUMPA (1) PENDRIVE BERWARNA HITAM DI ATAS RAK ALAT TULIS. DATANG KE BALAI BUAT LAPORAN POLIS UNTUK TINDAKAN LANJUT.

#### BUTIR-BUTIR BARANG HILANG:-

- 1) 1 CAMERA GO PRO BERWARNA GELAP (MILIK JABATAN)
- 2) 1 WIRELES MICROPHONE HITAM (MILIK SAYA)

SEKIAN LAPORAN SAYA.

Salinan Tidak Boleh Digunakan Untuk Tuntutan Atau Perbicaraan di Mahkamah  
(Hanya Untuk Kegunaan Dalaman PDRM Sahaja)



## POLIS DIRAJA MALAYSIA

### REPOT POLIS

Balai : PADANG BESAR  
Daerah : PADANG BESAR  
Kontinjen : PERLIS  
No. Repot : PDG BESAR/002466/23  
Tarikh : 12/07/2023  
Waktu : 1633 PM  
Bahasa Diterima : B. Malaysia

#### Butir-butir Penerima Repot :

Nama : MUHAMMAD	No. Badan : R192499	Pangkat : L/KPL
KHAIRULANWAR BIN		
RAMLI		

#### Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada) :

Nama : ---	No. K/P (Baru) : ---	No. Polis/Tentera : ---
No. Pasport : ---	Bahasa Asal : ---	
Alamat : ---		

#### Butir-butir Pengadu :

Nama : NOOR AMIRAH BINTI ABDUL HALIM	No. Polis/Tentera : ---	No. Pasport : ---
No. K/P (Baru) : 890227085238		
No. Sijil Beranak : ---	Jantina : Perempuan	Tarikh Lahir : 27/02/1989
Umur : 34 Tahun 4 Bulan	Keturunan : Melayu	Warganegara : Malaysia
Pekerjaan : PENSYARAH UNIMAP		
Alamat Tinggal : NO 16 JALAN DESA PULAI 6 TAMAN DESA PULAI 01000 KANGAR PERLIS		
Alamat IbuBapa : ---		
Alamat Pejabat : ---		
No. Tel (Rumah) : ---	No. Tel (Pejabat) : ---	No. Tel (Bimbit) : 013-7577180
Emel : ---		

#### Pengadu Menyatakan :

PADA 12/07/2023 JAM LEBIH KURANG 1100HRS SEMASA SAYA DI PEJABAT BILIK NO 13 BLOK S2 TINGKAT 1 UNICITY ALAM UNIMAP TITI TINGGI 02100 PADANG BESAR PERLIS SEDARI PEJABAT SAYA TELAH DIMASUKI ORANG KERANA TERDAPAT KESAN TOMBOL PINTU YANG TELAH DIUMPIL DARI LUAR .SAYA TELAH MASUK DAN BUAT PEMERIKSAAN DI DALAM PEJABAT BERKENaan DAPATI (01) BAG WARNA HITAM YANG MENGANDUNG (01) PROJECTOR JENAMA PANASONIC MILIK FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI KIMIA, DIDALAM PEJABAT TELAH TIADA DIPERCAYAI HILANG DI AMBIL ORANG.ANGGARAN KERUGIAN LEBIH KURANG RM 3000.00.SAYA DATANG KEBALAI POLIS BUAT LAPORAN UNTUK RUJUKAN PIHAK UNIMAP DAN TINDAKAN PIHAK POLIS.  
SEKIAN LAPORAN SAYA .

**Salinan Tidak Boleh Digunakan Untuk Tuntutan Atau Perbicaraan di Mahkamah  
(Hanya Untuk Kegunaan Dalaman PDRM Sahaja)**